



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	15/9/2011

PROTON serah 8 kereta elektrik

JPM, empat kementerian lain nilai potensi kenderaan konsep hijau


Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bharian.com.my

PROTON Holdings Bhd menyerahkan lapan unit kereta elektrik keluarannya kepada Jabatan Perdana Menteri (JPM) serta empat lagi kementerian bagi membantu kerajaan menilai potensi teknologi hijau dalam pembangunan sistem dan infrastruktur kenderaan elektrik serta hibrid di Malaysia.

Kereta elektrik memabitkan tiga unit model yang dikenali sebagai Saga EV dan lima Exora REEV itu diserahkan Penasihat PROTON, Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada satu majlis ringkas di Putrajaya semalam.

Empat kementerian yang dibekalkan kenderaan elektrik itu ialah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kewangan.

Pengerusi PROTON, Datuk Seri Mohd Nadzmi Mohd Salleh, berkata 'EV' yang bermaksud kenderaan elektrik dan 'REEV' bermaksud kenderaan elektrik penambahan jarak itu akan dipandu uji



NAJIB melihat bahagian enjin kereta EV selepas majlis penyerahan kereta Saga EV (elektrik) kepada kerajaan di Bangunan Perdana Putra, semalam. Hadir sama, Dr Mahathir serta Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

agensi di bawah kementerian berkenaan dan mengemukakan maklum balas mengenai prestasinya kepada PROTON.

"Kita menasaskan menghasilkan 200 kereta jenis ini menjelang 2012 dan menawarkannya untuk

jualan kepada orang ramai selepas 2013. PROTON berharap kerajaan dapat menawarkan insentif tertentu kepada mereka yang memilih untuk menggunakan kenderaan berkonsep hijau ini.

"Kenderaan ini agak mahal ber-

banding kenderaan biasa tetapi lebih mesra alam dan menepati dasar kerajaan yang menggalakkan pembangunan dan penyelidikan (R&D) mesra alam selain memupuk penggunaan teknologi hijau sebagai pilihan cara hidup masyarakat masa kini," katanya.

Mohd Nadzmi berkata, kenderaan terbabit boleh dipandu sehingga 90 kilometer (km) selepas dicas selama tujuh hingga lapan jam.

Bagaimanapun, tegasnya, kini sudah ada kaedah baru yang dibangunkan bagi mengurangkan tempoh mengecas itu selain akan dilakukan beberapa penambahbaikan lain sebelum kenderaan itu ditawarkan untuk jualan kepada umum.

Antara lain, katanya, teknik mengecas laju yang hanya memerlukan 40 minit sudah dikenal pasti dan pusat mengecas kenderaan terbabit akan disediakan di lokasi kunjungan ramai, umpamanya tempat letak kereta di pusat belibelah.

Katanya, teknologi yang digunakan berbeza dengan kereta hibrid lain kerana kenderaan keluaran PROTON menggunakan enjinnya hanya untuk mengecas bateri.